

Umno dan Wang

BH 26 MAY 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengulangi amaran bahawa penggunaan wang dalam perebutan jawatan parti boleh menghancurkan Umno dan melemahkan orang Melayu.

Jika perkembangan ini dibiarkan, satu hari nanti hanya jutawan sahaja akan memimpin Umno dan pada waktu itu ia akan menjadi persatuan orang kaya yang tidak mungkin disokong oleh rakyat umum.

Perdana Menteri merangkap Presiden Umno berkata kepentingan diri sendiri nampaknya mula diberi keutamaan yang lebih daripada kepentingan parti.

Senada dengan itu Datuk Seri Dr Mahathir merayu ahli-ahli Umno supaya cintakan parti dan bukan orang-orang tertentu kerana yang penting ialah khidmat ke arah mencapai matlamat parti.

Beliau menegaskan bahawa Umno tidak ditubuhkan untuk memberitempat kepada orang-orang tertentu, sama ada keturunan raja, bergelar atau rakyat biasa. Mereka dipilih menjadi pemimpin semata-mata kerana perjuangan Umno tidak akan berjaya jika ia tidak berketua.

Semangat asal

"Cuma yang boleh diberikan kepada mereka yang menawarkan diri ialah mandat untuk menjalankan tugas, dan untuk maksud itu, kita berdiri teguh di belakang mereka," tegas beliau.

Dalam ucapan sejam dua puluh minit merasmikan Perhimpunan Agung ke-35 Umno di sini Datuk Seri Dr Mahathir menyeru ahli parti kembali kepada semangat asal penubuhannya dan jangan lagi meretakkan perpaduan parti.

Beliau merayu ahli-ahli, terutamanya golongan muda, supaya jangan membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh taktik menggunakan wang dan mengutamakan

diri sendiri sahaja. Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran bahawa Umno akan hanyut dan orang Melayu akan menjadi lemah sekiranya ahli-ahlinya mengamalkan perbuatan menggunakan wang untuk merebut jawatan dalam parti.

"Jika kita jual undi kita pada hari ini, satu hari nanti kita akan jual parti, dan mungkin akan menjual negara juga. Janganlah kita benarkan sejarah negeri-negeri Melayu diulangi melalu parti kita ini," tegas beliau ketika membentangkan ucapan dasarnya bericmakan "Parti yang Bertanggungjawab".

Pemujaan

"Dengan semakin ramai orang Melayu menjadi kaya, rebutan jawatan dibuat dengan menggunakan wang yang banyak. Sekiranya ini berterusan dan meluas, satu hari nanti, jutawan sahaja yang akan memimpin Umno dan pada waktu itu Umno bukan lagi parti politik tetapi ia akan menjadi persatuan orang kaya. Dan sudah tentu rakyat Umno tidak lagi akn menyokongnya," tegas beliau.

Beliau mengingatkan ahli-ahli parti supaya jangan sekali-kali tunduk kepada pemujaan orang perseorangan hingga wu-

jud 'personality cult' atau pemujaan watak dan perasaan kenegerian atau 'parochialism' dalam

"Di waktu Umno dianggotai oleh orang yang miskin belaka, Umno telah berjaya menumpaskan British. Hari ini peristiwa berkebalah di mesvuarat ca-wangan sudah mieresapi Umno sehingga terpaksa memanggil polis. Yang sudah memim-

gunakan kuasa untuk menyekat ahli-ahli baru atau penubuhan cawangan-cawangan baru. Yang berminat hendak menjadi pemimpin menggunakan wang untuk tujuan yang sama."